

Naratif Sejarah dalam Filem: Kajian Kes kepada Filem Bukit Kepong (1981)

Historical Narrative in Film: A Case Study of the Film Bukit Kepong (1981)

Muhammad Amir Imran bin Rohaizat*
Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur, Malaysia

*email: Muhammad Amir Imran bin Rohaizat (*email: imranes2001@gmail.com*)

Received: 30 Okt 2025; **Revised:** 29 Nov 2025; **Accepted:** 20 Dis 2025; **Published:** 24 Dis 2025

To cite this article (APA): Rohaizat, M. A. I. (2025). Naratif Sejarah dalam Filem: Kajian Kes kepada Filem Bukit Kepong (1981). *Munsiy Jurnal Pengajian Sejarah*, 3(2), 40-55. <https://doi.org/10.37134/munsiy.vol3.2.3.2025>

Abstrak

Filem Bukit Kepong menggabungkan unsur sejarah dan seni. Kajian ini membandingkan naratif sejarah dalam filem Bukit Kepong (1981) dengan naratif yang berasaskan kepada sumber primer dalam sejarah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis sumber yang terdapat di dalam koleksi Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan filem Bukit Kepong yang terdapat di atas talian. Kajian ini mendapati bahawa filem Bukit Kepong tidak sepenuhnya menghidangkan maklumat sejarah seperti yang terdapat sumber primer kerana ia lebih memfokuskan kepada elemen dramatik dan heroisme untuk menarik emosi penonton. Beberapa aspek penting dalam sejarah seperti strategi dan motivasi komunis serta kesan jangka panjang serangan kurang diberikan penekanan di dalam filem. Kajian juga mendapati bahawa filem berfungsi sebagai medium untuk menanam semangat patriotisme dalam kalangan penonton dan tidak menekankan kepada aspek rekonstruksi sejarah yang berasaskan ketepatan fakta. Kajian ini mendapati bahawa titik keseimbangan di antara elemen seni dan ketepatan sejarah perlu diberi perhatian kerana filem mempunyai kesan yang besar dalam khalayak. Penceritaan sejarah di dalam filem perlu tepat walaupun ia tidak menghidangkan keseluruhan maklumat sejarah yang berkaitan. Ketepatan maklumat adalah perkara yang paling penting untuk diberikan perhatian kerana filem yang mengandungi unsur sedemikian akan menyebabkan khalayak salah faham berkenaan sejarah negara. Bagaimanapun, penghasilan filem berasaskan sejarah adalah usaha murni yang perlu dihargai kerana ia menjana minat terhadap sejarah itu sendiri.

Katakunci: Bukit Kepong, Filem, Komunis, Naratif, Sejarah

Abstract

The film Bukit Kepong integrates history and artistic expression. This study compares the historical narrative presented in the 1981 film Bukit Kepong with narratives grounded in primary historical sources. The study employs a qualitative approach by analysing a source from the National Archives of Malaysia in Kuala Lumpur, and the film Bukit Kepong obtain online. The study finds that the film Bukit Kepong does not contains all historical information from primary sources, as it prioritises dramatic and heroic elements to evoke emotional responses among viewers. Several important historical aspects, such as communist strategies and motivations as well as the long-term implications of the attack, receive limited emphasis in the film. This study also finds that the film serves as a medium to instill patriotism among audiences rather than emphasizing historically accurate reconstruction based on factual precision. The research concludes that the balance between artistic elements and historical accuracy deserves careful consideration, as films exert significant influence on the public. Slight distortions in understanding may contribute to public misconceptions about national history. Nevertheless, the production of historically based films remains a commendable effort that should be valued, as it stimulates interest in history itself.

Keywords: Bukit Kepong, Film, Communism, Narrative, History

Pengenalan

Isu berkaitan komunis dan darurat adalah salah satu isu yang sering dibincangkan dalam masyarakat masa kini. Salah satu sumber maklumat sejarah yang popular dalam kalangan khalayak adalah filem. Maklumat yang dihidangkan dalam filem seringkali dianggap sebagai mewakili peristiwa sejarah yang sebenar. Sehubungan itu kajian ini membandingkan sebuah filem berasaskan sejarah dalam kalangan masyarakat di Malaysia iaitu Bukit Kepong. Kajian ini berasaskan analisis perbandingan antara naratif yang dipersembahkan di dalam Filem Bukit Kepong dengan fakta sejarah yang direkodkan dalam sumber primer sejarah. Dalam kajian ini, penulis hanya menggunakan satu sumber sahaja kerana tujuan makalah ini adalah untuk membandingkan naratif filem dengan maklumat yang terdapat dalam sumber primer. Persoalan utama adalah untuk menilai sejauh mana filem ini menepati rekod sejarah atau sebaliknya mengubah fakta untuk memenuhi kehendak dramatik, estetika dan emosi penonton. Kajian ini penting untuk mengenalpasti perbezaan yang wujud antara naratif filem dan fakta sejarah, meneroka implikasi perubahan ini terhadap persepsi penonton serta menilai peranan filem sebagai medium untuk memahami sejarah kepada penonton umum.

Filem Bukit Kepong

Filem Bukit Kepong adalah sebuah filem arahan Seniman Negara, Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin.¹ Penghasilan filem ini direalisasikan dengan kerjasama bersama Polis Diraja

¹ <https://www.finas.gov.my/gugurnya-pejuang-seni-sejati-bergemelapan-terang-hilang-serinya-tan-sri-datuk-dr-jins-shamsuddin-ikon-perfileman-tersohor/>.

Malaysia. Rasional di sebalik kerjasama ini mudah difahami. Peristiwa Bukit Kepong adalah sebahagian daripada tragedi hitam Polis Diraja Malaysia semasa zaman darurat. Filem Bukit Kepong ditayangkan kepada khalayak di seluruh pawagam di Malaysia pada tahun 1981. Kos bagi menghasilkan filem ini menelan perbelanjaan sebanyak RM 1 juta. Jumlah ini dianggap sebagai satu kos yang agak besar bagi sebuah filem Melayu pada 1980-an. Set penggambaran dan proses rakaman bagi filem ini dilakukan di tepi Sungai Lenga yang terletak tidak jauh dari Bukit Kepong. Tempoh penggambaran bagi keseluruhan filem ini adalah selama lebih kurang tiga bulan.²

Filem Bukit Kepong adalah sebuah filem sejarah berunsurkan patriotik di mana jalan ceritanya menceritakan tentang peristiwa hitam bersejarah yang berlaku pada 23 Februari 1950 di Bukit Kepong, Muar, Johor.³ Selari dengan tema patriotik yang menjadi elemen utama dalam filem Bukit Kepong, ia banyak memaparkan tentang semangat juang dan pengorbanan demi mempertahankan negara. Watak utama filem ini iaitu Sarjan Jamil dilakonkan sendiri oleh Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin. Filem ini menggambarkan Sarjan Jamil sebagai seorang polis yang berdedikasi, pemimpin yang berani dan tidak gentar walaupun berhadapan dengan situasi genting. Ringkasnya, filem Bukit Kepong menonjolkan semangat pasukan polis dalam mempertahankan tanah air daripada komunis.⁴ Antara barisan pelakon yang turut membintangi filem ini adalah J.A Halim, Aida Ahmad, Omar Suwita dan Hussein Abu Hassan. Selain itu, Rahmat Idris dan Mohamed Noor Mohamad Bon turut menjayakan filem ini.⁵

Filem ini berkisar tentang satu peristiwa kecil tetapi amat signifikan yang berlaku di Johor. Ia mengemukakan cerita mengenai serangan pengganas komunis ke atas Balai Polis Bukit Kepong yang mengambil masa beberapa jam sahaja. Serangan mengejut yang dilakukan oleh pihak Komunis ini melibatkan pertempuran sengit di antara 180 orang pengganas komunis menentang 25 anggota polis dan keluarga mereka yang menetap dan berjaga di balai polis tersebut.⁶ Walaupun pihak polis menghadapi masalah kekurangan dari aspek persenjataan dan bilangan anggota sewaktu mereka diserang, mereka tetap berjuang dengan bermati-matian sehingga ke titisan darah yang terakhir bagi mempertahankan balai polis tersebut dari dikuasai oleh pihak komunis. Ringkasnya, keseluruhan persembahan filem Bukit Kepong tertumpu ke arah usaha untuk memupuk semangat patriotisme dalam diri penonton dan memberikan pengalaman bagaimana kehidupan pada zaman darurat di Tanah Melayu di mana kekejaman Komunis berlaku di pelbagai kawasan pada masa itu.

² Ridzuan Abdul Rahman, "Memori filem Bukit Kepong," *Harian Metro*, 21 Ogos 2021, Diakses pada 23 Julai 2024. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/08/745010/memori-filem-bukit-kepong>.

³ Che Abdullah Che Ya & Mohamad Rodzi Abd Razak, "Menelusuri Elemen Sejarah dalam Novel," *Akademika* 89 (Isu Khas) (2019): hlm. 5-14, <https://journalarticle.ukm.my/14988/1/31232-100756-1-PB.pdf>.

⁴ Badrul Kamal Zakaria, 2017 Kesan Tragedi Masih dirasai Pelakon Bukit Kepong, *Berita Harian*, Diakses pada 23 Januari 2025. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/262341/kesan-tragedi-masih-dirasai-pelakon-bukit-kepong>

⁵ Ibid

⁶ Che Abdullah Che Ya & Mohamad Rodzi Abd Razak, "Menelusuri Elemen Sejarah dalam Novel," *Akademika* 89 (Isu Khas) (2019): hlm. 5-14, <https://journalarticle.ukm.my/14988/1/31232-100756-1-PB.pdf>.



Rajah 1: Poster Filem Bukit Kepong (1981)

Sumber: Badrul Kamal Zakaria, Kesan Tragedi Masih Dirasai Pelakon Bukit Kepong, Portal BH Online, 21 Mac 2017, <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/262341/kesan-tragedi-masih-dirasai-pelakon-bukit-kepong>

Pada tahun 2015, Filem Bukit Kepong melalui proses pemulihan semula dan penambahbaikan digital untuk meningkatkan kualiti visual dan audionya.⁷ Proses *digital remastering* ini dilaksanakan oleh Prodigital Lab Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh KRU Malaysia Sdn Bhd. Syarikat ini bertanggungjawab dalam penghasilan pasca produksi seperti kesan visual, animasi 3D, animasi 2D, penyuntingan dan penerbitan audio digital. Usaha pemulihan semula ini melibatkan pelaburan sebanyak RM100,000 dan mengambil masa sekitar tiga bulan untuk disiapkan.

Semasa proses pemulihan, filem asal dalam format negatif 35mm didapati filem berada dalam keadaan kurang baik dan tidak dapat ditonton. Oleh itu, beberapa proses makmal menggunakan bahan kimia digunakan untuk membersihkannya. Selain peningkatan kualiti visual ke definisi tinggi (HD), kualiti warna juga diperbaiki agar filem kelihatan seperti baru sahaja dirakam.

Kualiti audio turut ditingkatkan dengan menukar dari mono ke stereo, menyelaraskan audio dengan visual, mengurangkan bunyi bising dan menambah kesan bunyi khas. Versi yang dipulihkan ini ditayangkan semula pada 27 Ogos 2015.⁸

⁷ Save Bukit Kepong Operation, *Finas*, 12 September 2015, Diakses pada 23 Januari 2025. <https://www.finas.gov.my/en/save-bukit-kepong-operation/>. 19

⁸ Ibid

Penulis menggunakan filem Bukit Kepong di laman sesawang *Internet Archive* yang dimuat naik oleh Mastrotv.⁹ Penulis berpendapat, versi ini merupakan versi yang paling sesuai untuk dijadikan sebagai sumber bagi kajian ini. Ini kerana, ia merupakan versi yang telah dipulihkan semula dan lengkap dari aspek visual yang HD, sarikata yang jelas dan audio yang baik. Pemilihan versi yang sesuai adalah sangat penting untuk memastikan pengkaji dapat membuat analisis secara keseluruhan di dalam filem dengan baik.

Secara keseluruhannya, Filem Bukit Kepong menekankan elemen dramatik dan heroisme bagi memenuhi kehendak penonton dan memperkuat impak emosi. Peristiwa sejarah dirakamkan dalam filem ini sebagai sebuah tragedi yang disertai dengan unsur-unsur cinta dan kasih sayang, patriotisme, keberanian, keyakinan diri, kerjasama, baik hati, kegigihan, kesyukuran dan seumpamanya. Sehubungan itu, Rosnaini & Mohd Arif menekankan bahawa ia adalah sebuah filem yang sarat dengan unsur pendidikan yang sesuai untuk menaikkan semangat patriotisme dalam kalangan khalayak.¹⁰



Rajah 2 : Poster Filem Bukit Kepong Versi Restorasi Digital (2015)

Sumber: Haryati Karim, Kosmo Digital, 11 Mac 2023,
<https://www.kosmo.com.my/2023/03/11/hero-sejarah-malaysia-ke-layar-perak/>

⁹ Mastrotv, "Bukit Kepong", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03, Diakses pada 25 Disember 2024, <https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>

¹⁰ Rosnaini Mahmud & Mohd ARif Ismail, 2003. The Value of Bukit Kepong as an Educational Film: A Research. *The Turkish Online Journal of Educational Technology – TOJET* , 2(2), <https://www.tojet.net/articles/v2i2/227.pdf>

Bukit Kepong

Dari sudut sejarahnya, Bukit Kepong terletak di antara sempadan daerah Muar dan daerah Segamat. Balai polis Bukit Kepong yang diketuai oleh Sarjan Jamil terletak di bawah seliaan Ibu Pejabat Polis Pagoh yang ketika itu diketuai oleh J. J. Raj.¹¹ Dalam imbauannya terhadap peristiwa Bukit Kepong, J. J. Raj berkata, sehari sebelum serangan pada Februari 1950, balai polis Pagoh telah menyerahkan dua laras senjata iaitu Bren Gun dan Sten Gun untuk digunakan di kubu balai polis Bukit Kepong.¹²

Ia terkenal dengan aktiviti perlombongan bijih besi. Kawasan Bukit Kepong yang asalnya hutan banyak dimajukan sejak dari zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar. Kawasan ini diterokai oleh orang Jawa dan 21 Cina yang menetap di sana.¹³ Kampung yang kecil ini mempunyai lebih kurang 20 buah kedai dan kebanyakan pemiliknya adalah orang Cina.¹⁴ Sehingga era darurat, terdapat lebih kurang 1200 orang penduduk yang tinggal di Bukit Kepong dan mereka terdiri daripada penduduk yang berbangsa Melayu dan Cina. Dari sudut latar belakang ekonominya, selain daripada peniaga kedai runcit, penduduk di Bukit Kepong kebanyakannya bekerja sebagai penoreh getah atau bekerja sendiri.¹⁵

Kampung Bukit Kepong terletak berdekatan dengan beberapa kampung Melayu yang lain dalam jarak sekitar tiga hingga enam kilometer. Namun, ketiadaan jalan utama menyebabkan komunikasi dengan kawasan luar agak sukar bagi penduduk Bukit Kepong. Tempoh perjalanan yang paling pendek adalah selama dua jam.¹⁶ Laluan bagi kampung ini disambungkan dengan lorong kecil dan ban untuk ke beberapa buah perkampungan Melayu yang terletak dua hingga tiga batu ke pedalaman. Dengan menaiki bot, perjalanan dari bandar Muar ke perkampungan Bukit Kepong mengambil waktu lebih kurang lima jam untuk sampai. Bukit Kepong mempunyai jeti yang kerap digunakan oleh bot polis. Pihak polis menggunakan jeti berkenaan untuk menghantar anggota dan bantuan ke kawasan berkenaan.¹⁷

¹¹ [‘Itulah tabik terakhir Sarjan Jamil’ - Sinar Harian](https://www.sinarharian.com.my/article/96679/berita/jenayah/Isquoitulah-tabik-terakhir-sarjan-jamilrsquo) di akses pada 23 Januari 2025 dari <https://www.sinarharian.com.my/article/96679/berita/jenayah/Isquoitulah-tabik-terakhir-sarjan-jamilrsquo>

¹² Ibid

¹³ Kassim Thukiman, Yahaya Abu Bakar, and Mahmud Embong, *Menelusuri Sejarah Tempatan Johor* (Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2001).

¹⁴ Bukit Kepong. Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia. Diakses pada 23 Januari 2025, <https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/bukit-kepong>

¹⁵ Kassim Thukiman, *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif* (Penerbit UTM Press, 2011). 17 Che Abdullah Che Ya & Mohamad Rodzi Abd Razak, "Menelusuri Elemen Sejarah dalam Novel," *Akademika* 89 (Isu Khas) (2019): hlm. 5-14, <https://journalarticle.ukm.my/14988/1/31232-100756-1-PB.pdf>.

¹⁶ Bukit Kepong. Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia. Diakses pada 23 Januari 2025, <https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/bukit-kepong>

¹⁷ Che Abdullah Che Ya & Mohamad Rodzi Abd Razak, "Menelusuri Elemen Sejarah dalam Novel," *Akademika* 89 (Isu Khas) (2019): hlm. 5-14, <https://journalarticle.ukm.my/14988/1/31232-100756-1-PB.pdf>



Rajah 3 : Peta Bukit Kepong

Sumber: Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960: A Pictorial History*, 2006, hlm. 69.

Sebelum tragedi Februari 1950, penduduk Bukit Kepong telah berhadapan dengan ancaman komunis. Mereka dengan digambarkan sebagai golongan yang berani dan berdikari kerana telah melakukan penentangan bersemuka dengan komunis. Kira-kira 18 bulan sebelum tragedi Februari 1950, mereka berjaya membunuh, mencederakan dan menawan komunis yang datang ke kampung mereka. Dalam kejadian yang lain, penduduk kampung bersama pengawal kampung dan polis bantuan bertempur dengan komunis dan diberikan penghargaan Colonial Police Medals atas keberanian mereka.¹⁸ Jelasnya, penduduk Bukit Kepong sering berhadapan dengan ancaman komunis dan pihak polis serta polis bantuan diletakkan untuk menjaga keselamatan mereka.

Jelasnya, Bukit Kepong adalah sebuah perkampungan yang melalui cabaran zaman darurat yang diisytiharkan di Tanah Melayu pada 1948-1960. Darurat adalah zaman atau era yang dianggap kontroversi di dalam kajian berkenaan sejarah Tanah Melayu.

¹⁸ Bukit Kepong. Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia. Diakses pada 23 Januari 2025, <https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/bukit-kepong>

Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa British bersungguh-sungguh mengawal komunis bagi mengekalkan kepentingan dan kuasa mereka di Tanah Melayu.¹⁹ Manakala ada yang berpendapat bahawa British menggunakan bahkan bekerjasama dengan komunis bagi kelangsungan kuasa mereka.

Analisis Perbandingan Peristiwa Serangan Balai Polis Bukit Kepong

Peristiwa serangan Balai Polis Bukit Kepong merupakan fokus utama di dalam filem ini. Ini dapat dilihat dari babak permulaan serangan komunis terhadap anggota polis di balai yang bermula pada minit ke 46:43 di dalam filem, sedangkan keseluruhan filem ini berdurasi selama 1:48:03.²⁰ Adegan tembak-menembak yang berlaku di antara pihak polis dan Komunis sepanjang satu jam terakhir dari filem ini diberikan tumpuan dalam penceritaan. Jelasnya, plot utama filem Bukit Kepong memfokuskan kepada peristiwa serangan pihak komunis ke atas balai polis Bukit Kepong.

Persoalan tentang siapakah komunis yang terlibat dalam serangan di Bukit Kepong tidak disentuh di dalam jalan cerita filem ini. Maklumat sejarah berkenaan perkembangan pasukan komunis di Johor menunjukkan bahawa dalang utama dalam serangan ini adalah pasukan 4th *Company*.²¹ Pegawai Pentadbiran bagi pasukan 4th *Company* adalah Lui Heng Wan. Lui Heng Wan mula menyertai 4th *Company* sejak dari Perang Dunia Kedua dan dilantik sebagai Komander MPAJA. Pada tahun 1949, beliau mula dilantik sebagai A.O (Pegawai Pentadbiran) bagi 4th *Company* 3rd Regiment MRLA dan pada masa yang memegang jawatan sebagai Timbalan Komander di dalam 3rd *Regiment*.

Aktiviti keganasan mereka bukan hanya serangan ke atas Balai Polis Bukit Kepong, pasukan ini mula dibentuk pada November 1948 dan bertapak di kawasan Ulu Muar sebagai pusat pengoperasian mereka. Sebelum peristiwa serangan ke atas balai polis berlaku, mereka telah pun menjalankan pelbagai aktiviti keganasan seperti membuat sekatan jalan raya antara Muar dan Lenga pada Disember 1948. Selain itu, mereka juga membuat kekacauan di kawasan Bukit Langkap pada Oktober 1949 dan menyerang kawasan Simpang, Muar pada Februari 1950.²²

Satu perkara penting yang tidak diberikan perhatian adalah, serangan kepada balai polis Bukit Kepong adalah serangan yang didorong oleh keinginan untuk membalas dendam. Rancangan serangan ke atas Balai Polis Bukit Kepong adalah untuk menebus semula kekalahan yang dialami oleh 12th *Platoon* di bawah 4th *Company*.²³

¹⁹ Lee, N., (2016). On Yao S, [Review of *The Malayan Emergency: Essays on a Small Distant War*]. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 89(2 (311)), 165–168. <https://www.jstor.org/stable/26527773>

²⁰ Mastrotv, "Bukit Kepong", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03, Diakses pada 25 Disember 2024, <https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>.

²¹ 2005/0003483W Attack on Bukit Kepong Police Station 23 Februari 1950

²² Ibid

²³ 2005/0003483W Attack on Bukit Kepong Police Station 23 Februari 1950

Peristiwa tembak menembak yang dijadikan fokus penceritaan di dalam filem hanyalah sebahagian daripada episod daripada peristiwa yang berlaku dalam serangan balai polis di Bukit Kepong. Menurut sumber primer di dalam koleksi Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, terdapat pelbagai kejadian lain yang berlaku sepanjang serangan tersebut.²⁴ Komunis telah mengepung dan merampas bekalan makanan yang terdapat di kedai yang beroperasi di Bukit Kepong. Bagi memastikan keberkesanan rampasan yang dijalankan pihak komunis menugaskan satu skuad langkap dan khas bagi menjalankan rampasan berkenaan. Selain itu, komunis ingin memastikan bekalan air bersih di kampung Bukit Kepong tercemar dan tidak selamat kepada penduduk. Bagi mencapai tujuan tersebut, pihak komunis menurut fail bertajuk serangan ke atas Balai Polis Bukit Kepong merekodkan bahawa perigi di kawasan balai polis dan dua perigi yang digunakan sebagai bekalan air harian oleh orang kampung telah diracun.²⁵ Ini jelas memperlihatkan bahawa dendam adalah motif utama serangan dan perkara ini tidak diberikan perhatian di dalam jalan cerita yang digarap dalam filem ini.

Di dalam Filem Bukit Kepong, sebelum pertempuran ini tercetus, terdapat adegan yang memaparkan segerombolan anggota komunis sedang berlari dan mengambil tempat di sekeliling balai untuk mengepung di setiap penjuru kawasan balai polis tersebut.²⁶ Menurut pelan Balai Polis Bukit Kepong, terdapat dua bangunan yang berada di dalam pagar kawat dawai iaitu balai polis itu sendiri dan berek kelamin yang merupakan tempat tinggal bagi ahli keluarga anggota polis yang bertugas di sana.

Strategi yang dilancarkan oleh pasukan komunis adalah mengepung sekeliling kawasan balai polis yang dipagari dengan kawai dawat untuk mengelakkan anggota polis keluar dan meminta bantuan daripada luar balai. Di dalam filem, tiada babak mahupun dialog yang memberitahu dengan tepat dan terperinci jumlah keseluruhan anggota komunis yang terlibat di dalam serangan ini. Adegan pengepungan yang ditonjolkan oleh pembikin filem memberikan suatu tanggapan kepada penonton umum bahawa jumlah komunis yang mengepung balai polis adalah sangat besar berbanding jumlah anggota polis yang mempertahankan balai.

²⁴ Ibid

²⁵ Ibid

²⁶ Mastrotv, "Bukit Kepong", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03, Diakses pada 25 Disember 2024, <https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>.



Rajah 4: Adegan Komunis Mengepung Balai Polis Bukit Kepong

Sumber: Mastrotv, "*Bukit Kepong*", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03,
<https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>.

Antara contoh filem lain yang menunjukkan adegan pengepungan seperti ini adalah Filem *Black Hawk Down* di mana pasukan tentera Amerika Syarikat yang jumlahnya sedikit diserang dan dikepung oleh tentera militia Somalia yang lebih ramai apabila helikopter mereka terhempas.²⁷ Selain itu, contoh lain yang dapat dilihat adalah di dalam Filem *Lone Survivor* iaitu sebuah filem yang mengisahkan pasukan kecil *Navy SEAL* yang dikepung oleh sejumlah besar Taliban di pergunungan Afghanistan.²⁸ Ia berperanan untuk menambah satu elemen yang mampu memberikan tekanan besar terhadap pihak polis yang jumlahnya lebih sedikit. Perbezaan ini berjaya menunjukkan bagaimana Filem Bukit Kepong menyesuaikan angka yang terdapat pada anggota di setiap pihak untuk meningkatkan ketegangan dan cabaran yang lebih memberi kesan dramatik kepada penonton. Namun begitu, dalam peristiwa sejarah yang terjadi, serangan ke atas Balai Polis Bukit Kepong ini melibatkan seramai lebih kurang 185 orang anggota komunis kesemuanya.²⁹ Jumlah ini membuktikan bahawa pihak Komunis yang menyerang balai polis tidak membuat serangan ini sebagai satu serangan berskala kecil dan tidak mempunyai perancangan yang terperinci.

Plot Filem Bukit Kepong dari sudut ini adalah sama dengan peristiwa sebenar di mana bilangan anggota polis yang mempertahankan balai polis dari serangan komunis adalah lebih sedikit berbanding pihak komunis cuma jumlah sebenar anggota yang terlibat tidak diberitahu di dalam filem sama ada dalam bentuk ayat ataupun dialog sesama watak. Melihat kepada jumlah anggota dari pihak Komunis sahaja dapat disimpulkan bahawa serangan ini merupakan sebuah serangan yang berskala besar dan mempunyai tujuan yang spesifik.

²⁷ *Black Hawk Down*, diarahkan oleh Ridley Scott (2001; Los Angeles: Columbia Pictures), Diakses pada 9 Januari 2025, <https://www.imdb.com/title/tt0265086/>

²⁸ *Lone Survivor*, diarahkan oleh Peter Berg (2013; Los Angeles: Universal Pictures), Diakses pada 9 Januari 2025, <https://www.imdb.com/title/tt1091191/>

²⁹ 2005/0003483W Attack on Bukit Kepong Police Station 23 Februari 1950

Serangan ini merupakan sebuah serangan hasil gabungan beberapa platun yang berbeza dari pihak komunis antaranya seperti *10th Platoon*, *11th Platoon* dan *12th Platoon* di bawah kelolaan *4th Company* sehingga berjaya mengumpul anggota lebih kurang seramai 185 orang untuk melancarkan serangan ini.³⁰

Selari dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa serangan ini bukan sahaja bertujuan untuk merampas peralatan seperti makanan dan perubatan dari balai polis, malah ia merupakan satu serangan untuk membuktikan bahawa MRLA adalah satu pasukan ketenteraan yang kuat dan mampu untuk menentang pasukan keselamatan di bawah kerajaan British di Tanah Melayu. Antara aspek penting di dalam serangan ke atas balai polis ialah strategi dan taktik yang digunakan oleh pihak komunis. Sepanjang penceritaan di dalam filem, dialog yang digunakan oleh watak yang mewakili pihak komunis tidak memberikan maklumat terperinci strategi dan taktik yang bakal digunakan oleh komunis untuk membuat serangan ke atas balai polis.³¹

Antara strategi yang digunakan komunis ialah risikan. Sekiranya dilihat dalam filem, pada minit ke 38:37, terdapat dua watak lelaki berbangsa Cina iaitu Tuck Sai dan rakannya ingin membuat aduan di balai polis pada waktu malam kerana anaknya jatuh ke dalam perigi. Perlakuan rakan Tuck Sai kelihatan mencurigakan kerana dia memerhatikan sekeliling bangunan balai polis dalam usahanya untuk mengingati kedudukan dalam bahagian dalaman balai polis. Adegan ini menunjukkan bahawa pihak komunis telah menghantar perisik yang menyamar sebagai orang kampung untuk mendapatkan maklumat dan gambaran tentang Balai Polis Bukit Kepong seperti keberadaan bilik simpanan senjata dan jumlah anggota yang ada di dalam balai.

Namun adegan ini dilihat mempunyai perbezaan daripada maklumat di dalam sumber primer. Menurut sumber primer, sebelum serangan dilancarkan, pihak komunis telah menghantar beberapa orang perisik untuk mengumpul maklumat dan informasi yang tepat mengenai kekuatan anggota yang bertugas di Balai Polis Bukit Kepong. Mereka mendapatkan maklumat tertentu seperti jumlah anggota yang bertugas di pejabat pada waktu malam dan anggota yang ditugaskan untuk berkawal di hadapan balai polis. Antara perisik yang dihantar ke Bukit Kepong untuk mengumpul maklumat berkenaan ialah Loon Foon, Ah Say dan dua orang ahli daripada *10th Platoon*.³²

Mereka berjaya mengumpul maklumat yang penting dan sebelum pihak Komunis melancarkan serangan ke atas balai polis Bukit Kepong. Maklumat perisikan membantu memudahkan pihak komunis untuk menyerang balai tanpa menyebabkan kerugian yang besar dan kematian anggota yang ramai. Melihat daripada perbezaan yang dinyatakan, filem ini jelas ada memuatkan adegan berkaitan perisik yang dihantar oleh pihak komunis, namun adegan ini digambarkan dengan begitu cepat dan tidak terperinci. Filem ini memilih untuk menyederhanakan naratif risikan untuk mengekalkan fokus pada jalan cerita atau watak utama yang membawa kepada serangan ke atas Balai Polis Bukit Kepong.

³⁰ Ibid

³¹ Mastrotv, "Bukit Kepong", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03, Diakses pada 25 Disember 2024, <https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>

³² 2005/0003483W Attack on Bukit Kepong Police Station 23 Februari 1950

Perbezaan ini mungkin mencerminkan keterbatasan filem dalam memperincikan setiap aspek sejarah atau usaha untuk mengekalkan elemen dramatik. Ini berbeza dengan maklumat di dalam sumber primer di arkib yang tidak mempunyai sebarang had atau limitasi tertentu. Sehubungan itu, sumber primer memberikan gambaran yang lebih mendalam dan sistematik tentang pendekatan komunis dalam merancang serangan melalui risikan.

Selain daripada itu, hanya terdapat satu babak sebelum serangan di mana ketua dari pihak komunis menunjukkan pelan Balai Polis Bukit Kepong dan mengarahkan ketua dari setiap pasukan kecil untuk mengepung kawasan balai.³³ Nama ketua bagi pihak komunis di dalam filem ini tidak dinyatakan atau disebut, namun kredit di penghujung filem menunjukkan nama watak ketua komunis ini adalah Chan Fei.³⁴ Seterusnya, menurut dialog di dalam filem ini, beberapa pasukan kecil ini dinamakan dengan pasukan satu, pasukan dua, pasukan tiga dan pasukan empat.³⁵ Bilangan bagi setiap ahli di dalam pasukan tidak dinyatakan kerana di dalam adegan ini, arahan yang diberikan hanyalah kepada ketua pasukan sahaja. Hal ini mempunyai perbezaan yang amat ketara dengan sumber primer berkenaan dengan strategi pihak komunis.



Rajah 5: Watak Ketua Komunis dalam Serangan Bukit Kepong

Sumber: Mastrotv, "*Bukit Kepong*", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03, <https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>.

³³ Mastrotv, "*Bukit Kepong*", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03, Diakses pada 25 Disember 2024, <https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>.

³⁴ Watak Chan Fei adalah merupakan figura sebenar menurut sumber primer di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Beliau adalah salah seorang dari dalang yang merancang dan melancarkan serangan ke atas Balai Polis Bukit Kepong. Nama lain beliau adalah Lui Heng Wan atau Heng Wan, 2005/0003483W Attack on Bukit Kepong Police Station 23 Februari 1950

³⁵ Mastrotv, "*Bukit Kepong*", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03, Diakses pada 25 Disember 2024, <https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>

Menurut sumber primer berkaitan serangan ke atas Balai Polis Bukit Kepong, Komunis membahagikan pasukan mereka kepada beberapa unit penting yang mempunyai peranan mereka tersendiri. Antara unit itu ialah unit pasukan utama, unit serangan dan unit pengawal.³⁶ Unit pasukan utama yang berjumlah 100 orang anggota, separuh daripada mereka ditugaskan untuk mengepung dan menembak dari bahagian belakang balai polis manakala separuh lagi diarahkan untuk bergerak ke kawasan kampung untuk merampas barangan harian seperti makanan, pakaian dan bekalan ubat. Unit pasukan utama ini berada di bawah pimpinan Lim Foong, Siow Min, Liew Sin dan Chee Peow.³⁷ Menurut sumber primer, daftar nama komunis yang terlibat dalam serangan Balai Polis Bukit Kepong, Lim Foong dan Liew Sin datang dari latar belakang yang sama iaitu bermula dengan menyertai MPAJA sewaktu Perang Dunia Kedua dan memberontak dengan menyertai pasukan komunis sewaktu darurat mula diisytiharkan.³⁸

Bagi unit serangan pula, dalam lingkungan 40 orang anggota, mereka ditugaskan untuk mengepung kedua-dua sisi balai polis dan membuat serangan dari arah situ.³⁹ Unit ini diketuai oleh Yong Chin, Peng Tuan dan Kok Poh. Ketua dalam unit ini adalah merupakan anggota komunis yang berasal dari MPAJA sewaktu Jepun menjajah Tanah Melayu dan beroperasi di Yong Peng, Johor.⁴⁰ Namun setelah Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua, mereka mula memberontak dengan menyertai komunis dan memegang jawatan yang tinggi dalam pasukan mereka. Akhir sekali, bagi unit pengawal pula, mereka diletakkan di bawah arahan Kok Liew, Ah Loong dan Kong Yong. Ah Loong yang merupakan salah seorang dari ketua dalam unit ini adalah merupakan seorang Komander bagi 11th Platoon dalam 4th Company. Unit ini diarahkan untuk menjaga kawasan luar balai polis bertujuan untuk menghalang bantuan yang datang dari luar kawasan balai seperti *Home Guard* dan polis bantuan dan orang kampung Bukit Kepong yang berusaha untuk membantu anggota polis yang terkandas di dalam kawasan balai.⁴¹

Seterusnya, melihat dari aspek tempoh pertempuran berlangsung, ia tidak dinyatakan secara lisan atau terperinci tempoh yang diambil untuk Komunis memenangi pertempuran secara keseluruhannya. Di dalam filem ini, hanya ditunjukkan suasana pada waktu malam, awal pagi dan keadaan siang yang cerah yang berubah dari masa ke masa sepanjang adegan pertempuran berlangsung.⁴² Perubahan ini ditunjukkan bertujuan untuk memberi indikator kepada penonton waktu sebenar pertempuran di antara anggota polis dan pihak Komunis iaitu lebih kurang dari pukul empat pagi sehingga tujuh pagi. Keadaan anggota polis yang kepenatan dan bekalan peluru yang semakin berkurang juga diberi penekanan oleh pembikin filem ini melalui adegan pada minit ke 1:06:00 untuk menunjukkan kepada penonton bahawa tempoh pertempuran ini berlangsung dengan agak lama.⁴³

³⁶ 2005/0003483W Attack on Bukit Kepong Police Station 23 Februari 1950

³⁷ 2005/0003483W Attack on Bukit Kepong Police Station 23 Februari 1950

³⁸ Ibid

³⁹ Ibid

⁴⁰ 2005/0003483W Attack on Bukit Kepong Police Station 23 Februari 1950

⁴¹ Ibid

⁴² Mastrotv, "Bukit Kepong", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03, Diakses pada 25 Disember 2024, <https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>.

⁴³ Ibid

Pembikin filem ini memadatkan pertempuran dengan adegan yang dramatik dan memberi fokus pada momen penting seperti kekejaman pihak komunis ke atas anggota polis seperti membakar bangunan balai polis, berek kelamin dan bot polis yang digunakan untuk meminta bantuan daripada luar.

Selain itu filem ini juga banyak memaparkan cabaran yang dihadapi oleh anggota polis sepanjang pertempuran seperti kekurangan anggota, kekurangan bekalan peluru dan usaha mereka untuk meminta bantuan dari luar digagalkan oleh pihak komunis. Penambahan unsur dramatik yang mampu menambahkan kesan emosi kepada penonton. Perbandingan antara sumber arkib dan Filem Bukit Kepong menunjukkan perbezaan pendekatan dalam menggambarkan peristiwa serangan Bukit Kepong. Filem yang dihasilkan berdasarkan peristiwa ini cenderung menonjolkan elemen dramatik, emosi dan kepahlawanan terutama sekali melalui watak utama seperti Sarjan Jamil Md Shah bagi membangkitkan semangat patriotisme dan penghargaan terhadap pengorbanan anggota polis serta keluarga mereka.



Rajah 3.3: Adegan Anggota Polis Kekurangan Bekalan Peluru

Sumber: Mastrotv, "*Bukit Kepong*", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03, <https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>.

Namun, sumber primer memberikan penekanan kepada fakta sejarah, termasuk perincian strategi, cabaran sebenar yang dihadapi oleh pasukan polis serta konteks peranan Parti Komunis Malaya (PKM) dalam serangan tersebut. Perbezaan ini mencerminkan tujuan pembikinan filem adalah sebagai medium untuk menyemai semangat patriotik manakala sumber arkib berfungsi sebagai rekod sejarah yang lebih objektif dan tepat kepada peristiwa. Kedua medium ini dilihat melengkapi pemahaman masyarakat terhadap peristiwa ini. Selepas penayangannya, filem yang dihasilkan ini mampu menyuntik semangat patriotik di dalam diri penonton. Manakala sumber primer mampu menawarkan perspektif faktual tentang perjuangan anggota polis dalam mempertahankan kedaulatan tanah air.

Kesimpulan

Ringkasnya, memang terdapat perbezaan di antara naratif yang diketengahkan di dalam filem Bukit Kepong dengan maklumat dalam sumber primer di dalam koleksi Arkib Negara Malaysia. Perkara ini terjadi disebabkan unsur dramatik dan sinematik di dalam sesebuah filem menjadikan penceritaan di dalam filem perlu menyaring dan menyesuaikan fakta sejarah sebenar untuk menghasilkan kesan emosi yang lebih kuat kepada penonton. Walaupun filem ini diakui sebagai karya seni yang memaparkan unsur heroisme dan pengorbanan, adalah mustahil bagi sesebuah filem untuk memberikan gambaran yang sepenuhnya tepat tentang peristiwa sejarah sebenar. Sebaliknya, filem ini cenderung untuk menumpukan perhatian kepada watak tertentu serta adegan dramatik yang meningkatkan daya tarikan emosi penonton. Kekangan untuk sesebuah filem untuk menggambarkan peristiwa sejarah dengan menyeluruh tidak boleh dianggap sebagai satu kelemahan. Ini kerana filem sebagai hasil seni mampu memainkan peranan bagi menarik minat masyarakat kepada sejarah. Dalam kegawatan ekor menularnya pelbagai sejarah palsu yang tercetus di media sosial hari ini, filem yang berasaskan sejarah boleh memainkan peranan dengan memberikan naratif sejarah yang benar. Walaupun ia tidak mampu menggambarkan keseluruhan peristiwa yang berlaku, penceritaan yang berasaskan fakta sejarah yang benar dan tepat akan menyumbang kepada proses pengayaan dan menyebarkan sejarah negara.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang memberikan kritikan dan pandangan membina kepada penulis dalam menghasilkan makalah ini.

Bibliografi

- 2005/0003483W Attack on Bukit Kepong Police Station 23 Februari 1950
Amy Ikram, 2017. Gugurnya Pejuang Seni Sejati..., <https://www.finas.gov.my/gugurnya-pejuang-seni-sejati-bergemelapan-terang-hilang-serinya-tan-sri-datuk-dr-jins-shamsuddin-ikon-perfileman-tersohor/>
Badrul Kamal Zakaria, 2017 Kesan Tragedi Masih dirasai Pelakon Bukit Kepong. *Berita Harian*, Diakses pada 23 Januari 2025. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/262341/kesan-tragedi-masih-dirasai-pelakon-bukit-kepong>
Black Hawk Down, diarahkan oleh Ridley Scott (2001; Los Angeles: Columbia Pictures), Diakses pada 9 Januari 2025, <https://www.imdb.com/title/tt0265086/>
Che Abdullah Che Ya & Mohamad Rodzi Abd Razak, "Menelusuri Elemen Sejarah dalam Novel," *Akademika* 89 (Isu Khas) (2019): hlm. 5-14, <https://journalarticle.ukm.my/14988/1/31232-100756-1-PB.pdf>. Kassim Thukiman, *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif* (Penerbit UTM Press, 2011).
Kassim Thukiman, Yahaya Abu Bakar, and Mahmud Embong, *Menelusuri Sejarah Tempatan Johor* (Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2001).
Lee, N., (2016). On Yao S, [Review of *The Malayan Emergency: Essays on a Small Distant War*]. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 89(2 (311)), 165–168. <https://www.jstor.org/stable/26527773>
Lone Survivor, diarahkan oleh Peter Berg (2013; Los Angeles: Universal Pictures), Diakses pada 9 Januari 2025, <https://www.imdb.com/title/tt1091191/>

- Mastrotv, "Bukit Kepong", Internet Archive, 8 Februari 2021, 1:48:03, Diakses pada 25 Disember 2024, <https://archive.org/details/bukit-kepong-2015-esub.-hd.-720p-kt>
- Ridzuan Abdul Rahman, "Memori filem Bukit Kepong," Harian Metro, 21 Ogos 2021, Diakses pada 23 Julai 2024. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/08/745010/memori-filem-bukit-kepong>.
- Rosnaini Mahmud & Mohd ARif Ismail, 2003. The Value of Bukit Kepong as an Educational Film: A Research. *The Turkish Online Journal of Educational Technology – TOJET*, 2(2), <https://www.tojet.net/articles/v2i2/227.pdf>
- Save Bukit Kepong Operation, *Finas*, 12 September 2015, Diakses pada 23 Januari 2025. <https://www.finas.gov.my/en/save-bukit-kepong-operation/>. 19